

30 MAY 1996

Sabah-Mahathir

KETUA MENTERI SABAH YONG TECK LEE MENGUNJUNGI DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah yang baru Datuk Yong Teck Lee mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Yong berkata, Dr Mahathir memberi penekanan kepada isu-isu ekonomi di Sabah dalam pertemuan selama 45 minit itu.

Dr Mahathir mahukan kerajaan Sabah menarik lebih banyak pelaburan tempatan dan juga dari luar negara bagi membangunkan Sabah, kata Yong kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Beliau berkata, Dr Mahathir telah memberi jaminan yang kerajaan pusat akan membantu kerajaan Sabah dalam membangunkan negeri itu.

Yong juga meminta pendapat Dr Mahathir mengenai cara-cara melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK-7) memandangkan beberapa projek dalam rancangan sebelum itu masih belum dilaksanakan walaupun peruntukan telah disediakan.

Yong yang dilantik ke jawatan itu pada Selasa lepas berkata, Sabah akan terus menumpukan kepada sektor pembuatan am dan produk tambah nilai sebelum berpindah ke industri elektronik dan teknologi tinggi.

Beliau juga memberi taklimat kepada Dr Mahathir mengenai rombakan Kabinet Sabah dan hasil mesyuarat pertamanya.

Yong memberitahu Perdana Menteri, pindaan kepada lima undang-undang negeri untuk membataskan kuasa Ketua Menteri akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 17 dan 18 Jun seperti yang dijadualkan. -- BERNAMA

JM PR